

BAHASA MELAYU

(oleh Musyfa')

Sekalian manusia, penduduk-penduduk bagi segala negeri-negeri yang besar, masyhur dan tamadun serta alam ini adalah aturan-aturan atau susunan-susunan bahasa persuratan dan percakapan masing-masing iaitu seperti nahu atau saraf serta lain lagi yang seumpamanya bermacam-macam masing-masingnya, selain daripada adat resam, pergaulan dan pakaian-pakaian yang tertentu dan selain daripada itu ialah undang-undang keadilan yang berlain-lainan di antara di sebuah negeri ini dengan sebuah negeri yang lain itu.

Oleh sebab saya menulis ini berkenaan dengan bahasa-bahasa sahaja maka saya paparkan apa yang saya teringat dan dengan ringkasnya sahajalah iaitu seperti bahasa-bahasa Latin (negeri Rom tua)-Greek (Yunani) Parsi, Sanskrit (Hindu Tua) French (Perancis)-Arab-dan banyak yang lain-lain lagi itu dengan tidak dikecualikan bangsa atau agama masing-masing maka orang-orang yang punya bahasanya masing-masing, akan tetapi sekata semua pendeta-pendeta daripada semua bahasa-bahasa itu mengaku ketinggian dan kelebihan nahu dan saraf bahasa Arab kerana kesempurnaannya yang melengkap lagi kukuh dan tetap yang tidak boleh mengelirukan. di dalam bahasa Arab sehingga bilangan domir-domimya serta fi'il-fi'ilnya ditentukan misalnya: d'homir seorang lelaki dan fi'il-fi'ilnya berlainan daripada domir seorang perempuan dan fi'il-fi'ilnya – dua orang lelaki ditentukan domir dan fi'il-fi'il dua orang perempuan-tiga atau lebih daripada tiga orang lelaki serta fi'il-fi'ilnya (yang dikatakan ramai) berlainan pula daripada domir-domir dan fi'il-fi'il tiga atau lebih orang-orang perempuan (yang dikatakan ramai) dan berlainan pula dengan nama-nama tanda tempat-tempat

dan keadaan-keadaannya masing-masing dan tidak boleh dicampur adukkan sahaja.

Sesungguhnya saya seorang Melayu yang tidak pandai dalam bahasa Arab dan saya percaya bahawasanya orang-orang Melayu yang seumpama saya pun bersama-samalah saya mengucap banyak terima kasih serta memuji-muji setengah alim ulama dan lain-lain orang Melayu yang mahir di dalam bahasa Arab sama ada bercakap dan menulis bahasa Arab serta telah menterjemahkan beberapa kitab-kitab besar dan kecil ke bahasa Melayu sehingga dapat kita umat am membacanya dan membolehkan kita beramal ibadat kepada tuhan dan tahu apa yang disuruh dan apa yang ditegah oleh agama kita Islam, akan tetapi walaupun begitu saya kerap kali dapati bahawa setengah daripada terjemahan-terjemahan itu ada terpesong daripada susunan atau tertib bahasa Melayu yang sebenarnya, maka di bawah ini adalah saya sebutkan sedikit misalnya:-

(1)-adalah kitab ini hamba namakan dia "Kitab Perukunan Islam" (atau nama-nama yang lain-lain). Pada pendapat saya adalah perkataan "dia" kemudian daripada perkataan namakan itu tidak patut dan salah pada bahasa Melayu yang sebetulnya. Sepatutnya siapa-siapa pun tuan pengarang kitab itu (atau sebarang kitab yang lain) telah bertanya akan dirinya sendiri:-"Apakah yang aku namakan perukunan islam?" Tentulah ia sendiri menjawab :- "Kitab inilah!" Maka oleh yang demikian tidaklah sekali-kali mesti ditambah domir (atau ganti nama) "dia" itu pula. Dan suatu misal lagi, seorang berkata : "Aku namakan dia anakku ini Ali". Disini pun tidak dikehendaki ditambah perkataan "dia" kerana sudah tentu anaknya itulah yang ia beri nama Ali.

(2)- di kitab-kitab agama acap kali juga saya terbaca:- "Qalā Rasulullāh SAW" yang dimelayukan "Telah bersabda "ia" (atau "dia") Rasulullah SAW" mengapakah disebutkan "dia" kemudian daripada "sabda" itu?

(sambungan pada muka 40)

Asas bagi menentukan yang demikian ini tidak boleh diukur di bandar-bandar. Tetapi ukurannya hendaklah diletakkan di kampung-kampung. orang-orang kampung di Indonesia banyak yang masih menggunakan huruf Jawi dalam surat menyuratnya. Yang demikian tidak hanya berlaku di kampung-kampung yang jauh dari bandar, tetapi kampung-kampung di sekeliling Jakarta Raya pun sudah membenci kepada huruf rumi. Buktinya bacalah suatu surat daripada Jabatan Penerangan kementerian Agama Jakarta Raya yang menyatakan bahawa orang-orang kampung di dalam daerah itu sudah sangat membenci kepada huruf rumi (lihat surat yang kita terakan di dalam keluaran majalah ini)

Dengan keterangan-keterangan ini kita berharap janganlah kiranya kita memberi fikiran menyertai anasir yang bertujuan merosakkan kedudukan kita dengan tidak terlebih dahulu kita memeriksa apakah ertinya perubahan-perubahan huruf itu bagi masa yang akan datang untuk keselamatan agama dan kebudayaan kita, kalau kita masih mengaku yang kita orang Islam. Perubahan-perubahan menurut pandangan kita tidak akan dapat mengubah kita kalau kita mempertahankan kemuliaan dan syarif kita, tetapi kalau kita mencuai-cuaikan kemuliaan kita kerana takutkan periuk nasi kita masuk pasir maka keadaan kita akan menjadi sebagai lembu dicucuk hidung, putih kata orang, putih kata kita – hitam kata orang, hitam kata kita , sebab jiwa kita telah dibeli dan semangat kita telah terjual adanya.

Telah siap

Pesan Sekarang

Saidina Hussin di Karbala

(Dua Penggal)

Sepenggagal \$ 120 pos 10 sen

Pesanlah kepada: _

QALAM

356&358 GEYLANG ROAD,

SINGAPORE 14.

(sambungan daripada muka 12)

bukankah “*Qāla*” ini sudah tentu ertinya dengan terkandung di dalamnya domir “*huwā*” iaitu seorang lelaki? Terlebih ringkas dan lebih molek susunan bahasa Melayunya:-

“telah bersabda Rasulullah (SAW).....

(3)- Jikalau sekiranya adalah kelak siapa-siapa mengatakan huraian-huraian saya yang tersebut di atas itu salah maka agaknya tidaklah pula salah saya menterjemhkan:-*qālatā ḥalimat wamaryam* dengan telah berkata Halimah dan Maryam kedua-dua mereka perempuan itu.....di sini rasa saya tentulah tuan-tuan pembaca yang bijaksana tertawa atau menyalahkan saya! Tetapi sebelum siapa-siapa menyalahkan saya, maka mendahuluilah saya sendiri mengaku bahawa terjemahan saya ini salah kerana, di dalam bahasa Arab, perkataan “*qālatā*” itu sememang ditunjukkan bagi dua orang perempuan berkata tidak lebih dan tidak kurang daripada dua orang perempuan. Tambahan lagi ada tersebut nama kedua-duanya.

Dan lagi pada pendapat saya, bahawa tatkala menterjemahkan apa-apa bahasa pun ke bahasa Melayu janganlah seseorang terjemahkan satu persatu perkataan bahasa asing itu yang menurut tertib nahu dan saraf yang sememang tertentu bagi bahasa itu. Maka yang demikian itu boleh merosakkan bahasa kita Melayu, atau mengubah ertinya di dalam bahasa Melayu atau pun setidak-tidaknya tiada bermakna langsung, misalnya, - berkata seorang Hindustani “*tum ruku fiyu?*” dan “*awkana kawa?*” dipermelayukan “kamu rukuk hisf”, dan “mari nasi makan!” baharu-baharu ini seorang sahabat saya telah menerima sepucuk surat daripada seorang Benggali bertulis Urdhu, bunyinya: “saya punya tua bapak rumah tidur dia diam sakit ada. Saya pergi doktor panggil, sekarang doktor ubat makan dia”. Adakah terjemahan sepatah-patah menurut nahu India yang semacam ini betul pada bahasa Melayu kita? dan “tentang doktor ubat makan dia” itu ertinya yang sebenar: sekarang dia ada makan ubat doktor-bukanlah ubat doktor makan orang yang sakit ini!